



**New to Alliance Personal (“AP”)
Welcome Offer Alliance Term Deposit-i
 (“ATD-i”) 2025 Campaign**

Terms and Conditions

General Terms and Conditions

1. The “New to Alliance Personal (“AP”) Welcome Offer Alliance Term Deposit-i (“**ATD-i**”) Campaign 2025” (“**Campaign**”) is organised by Alliance Islamic Bank Berhad (“**Bank**”). The Campaign shall run from 1 October 2025 to 31 December 2025 (both dates inclusive) or such other time period as may be notified by the Bank from time to time (“**Campaign Period**”); inclusive of both dates, unless as stated otherwise.
2. By participating in this Campaign, the Eligible Customers (as defined hereunder) shall have thoroughly read and fully understood all the Terms and Conditions herein and fully agree to be bound by and accept all the Terms and Conditions.
3. This Campaign is open to All New-to-Bank and/or Existing-to-Bank individual customers who fulfil the following conditions (“**Eligible Customers**”):

Be a Primary New Alliance Personal customer (“AP”) with a minimum Net Investable Assets Under Management (“NIA AUM”) of RM100,000 in Deposits (excluding Savelink Account) and/or Investments (excluding Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”) and Bancassurance Regular Premium (“RP”)) and open/maintain at least one of the following accounts with the Bank with a minimum deposit of RM10,000:

- a. Alliance Hybrid Account-i or
- b. Alliance SavePlus Account-i

“NIA AUM” refers to total sum of Deposits products (excluding Savelink Account), Investments products (excluding Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”) and Bancassurance Regular Premium (“RP”)).

4. Notwithstanding the foregoing, the following person(s) shall, however, **NOT** be eligible to participate in this Campaign:
 - a. Customers below the aged of 18 years: or
 - b. Permanent and/or contract employees of the Bank; or
 - c. Customers whose account(s) are held with the Bank that are dormant or inactive or who have breached any agreements with the Bank; or
 - d. Customers whose account(s) held with the Bank are delinquent or unsatisfactorily conducted; or
 - e. Individuals who are financially insolvent or who have been adjudicated a bankrupt; or
 - f. The Bank’s customers who are in default of any facilities granted by the Bank (including its subsidiaries and related companies) at any time before or during the Campaign Period; or
 - g. Any other persons as determined by the Bank to be excluded according to its internal policy(ies); or
 - h. Non-individual entities including but not limited to sole-proprietorships, partnerships, charitable/non-profit organisations/societies, corporate and commercial customers, public listed and private limited companies, clubs, associations and co-operatives.
5. Newly joined AP customers are entitled to the following ATD-i Promotional Rate, defined in the table below with conditions apply:

Table A: Promotional ATD-i Rate

Tenure	Promotional Rate	Minimum Placement Amount Per Placement	Maximum Placement Amount Per Customer	Channel
6 Months	3.75% p.a.	RM10,000	RM100,000	Over-the-counter

Terms and Conditions specific for Promotional ATD-i Profit Rate

6. Eligible Customers must place the Promotional ATD-i Profit Rate within thirty (30) days from the date of tagging as AP. Eligible Customers that failure to do so will result in ineligibility for the Promotional ATD-i Profit Rate.

7. Fresh Funds must be transferred into an account with the Bank not more than seven (7) calendar days prior to the placement of the ATD-i to enjoy the Promotional ATD-i Profit Rate as shown in Table A.

“Fresh Funds” are defined as new funds placements which are not derived from any existing account(s) with the Bank or its subsidiaries. It must not be funds transferred from any existing Savings/Current/Fixed Deposit/Foreign Currency Account(s) of the Bank or in the forms of cheques, cashier’s orders or demand drafts issued by the Bank. All amounts that are not Fresh Funds would not be eligible for the Campaign.

8. The Campaign will end when the Bank has reached its allocated ATD-i fund size’s threshold of RM40,000,000 or when the Campaign Period expires, whichever comes first.

9. Eligible Customers must be the primary accountholder of the ATD-i account. For Eligible Customers who hold accounts jointly with other parties, all such accounts shall be considered as one single account only, based on the name of the primary account holder.

10. If the customers do not meet the Eligible Customers criteria outlined in Clause 3 during the Campaign Period, the Promotional ATD-i Profit Rate will no longer apply and the Bank’s prevailing ATD-i board rate will be applied with the same period and placement amount.

11. During the ATD-i’s tenure, partial withdrawal is not allowed. If the ATD-i is withdrawn before its maturity date, any Profit payable will be subject to the Bank’s premature withdrawal policy. For details on premature withdrawal clause, please refer below:

ATD-i:

https://alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Banking/Islamic_Deposits_Terms_Conditions_ENG.pdf

12. Upon maturity, the ATD-i shall be automatically renewed at the prevailing 6-month ATD-i board rate. The prevailing 6-month ATD-i board rate is available at the website below:

ATD-i: <https://alliancebank.com.my/Islamic-Profit-Rates>

13. The Promotional Rate is subject to change, and if the Overnight Policy Rate (“OPR”) changes, a notice will be published on the Bank’s website at www.alliancebank.com.my

Other Terms and Conditions

14. By participating in this Campaign, the Eligible Customers shall have fully understood, accepted and agreed to be bound by all the Terms and Conditions herein.

15. The Terms and Conditions shall be supplemental to and not be in derogation of any one or more of the existing Terms and Conditions and/or guidelines governing and/or regulating the operations and/or maintenance of the Eligible Accounts or otherwise.

16. The Eligible Customers further agree to co-operate and comply with requests from the Bank for the purpose of organising, promoting and conducting this Campaign.

17. All decisions made by the Bank in relation to this Campaign shall be final and binding on Eligible Customers. No correspondence, appeal or disputes in respect of the same shall be entertained.

18. The Bank reserves the right to add, delete, vary and/or amend the Terms and Conditions, wholly or in part, with notification to be published at the Alliance Bank's website at www.alliancebank.com.my twenty-one (21) calendar days' prior to the changes except for Campaign offers related to limited fund size, Eligible Customers are encouraged to refer to the latest fund size published on the Alliance Bank's website throughout the Campaign Period.
19. For any cancellations, terminations, suspension or extension of this Campaign Period shall not entitle the Eligible Customers to any claims or compensations whatsoever against the Bank or for any and all losses or damages suffered or incurred by the Eligible Customers as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination, suspension or extension.
20. The Bank shall not be responsible nor shall accept any liabilities (including without limitation, loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive, or special damages or proceedings brought by any party including third parties) arising or suffered by the Eligible Customers or other parties due to the Eligible Customers' own fault, resulting directly or indirectly from this Campaign.
21. The Eligible Customers hereby understands and consents to the collection of personal data, processing, storing, usage and disclosure of the Customers' personal data (which includes but is not limited to contact details), by the Bank to its affiliates, service providers as required and necessary, for the purposes of effecting and discharging the services of this campaign. For the avoidance of doubt, Personal Data includes all data defined within the Personal Data Protection Act 2010 including all data you had disclosed.
22. By participating in this Campaign, the Eligible Customers agree that they have read the Notice and Choice Principle Statement available at the Bank's website (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) and hereby give their consent and authorise the Bank to disclose their particulars to any third party service provider engaged by the Bank for the purpose of this Campaign.
23. The Bank has instituted and maintains policies and procedures designed to prevent bribery and corruption by the Bank and its directors, officers, or employees; and to the best of the Bank's knowledge, neither the Bank nor any director, officer, or employee of the Bank has engaged in any activity or conduct which would violate any anti-bribery or anti-corruption law or regulation applicable to the Bank. The Bank has not, and covenants that it will not, in connection with the conduct of its business activities, promise, authorise, ratify or offer to make, or take any act in furtherance of any payment, contribution, gift, reimbursement or other transfer of anything of value, or any solicitation, directly or indirectly to any individual.
24. By virtue of participating in this Campaign, Eligible Customer hereby acknowledges that it has been made aware of the Bank's anti-bribery and corruption summary of the policy available at <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> and further covenants/undertakes that it shall not indulge in such corrupt practices in whatsoever manner whether directly or indirectly with any directors, officers or employees of the Bank.
25. The Eligible Customer(s) is required to sign all relevant standard documents and comply with all terms and conditions in respect of his/her Participating Products under the Campaign, which are separate from the terms and conditions herein. By participating in this Campaign, the Eligible Customers shall have fully understood, accepted and agreed to be bound by all the Terms and Conditions.

Prevention and Mitigation of Banking Fraud and Scam

26. The Bank may from time to time provide the latest update or content to educate the customer and create awareness that help prevent or mitigate fraud and scam risk. These may include but not limited to security tips, software/operating system/application/version update, and regulation requirements from any relevant governing bodies.
27. The customer shall keep in safe custody of all banking instruments, for example cheque books/cheque leaves, security tokens, debit card, telephone banking PIN, internet and mobile banking login credentials, and transaction authorisation code ("TAC"). The Customer shall notify the Bank immediately when the Customer becomes aware that any of the above is lost or used without authority or proper authorisation. The Customer shall not be liable for losses resulting from unauthorised transaction(s) occurring after the Customer had notified the Bank in accordance with these Terms and Conditions that the Customer's banking instruments mentioned above have been lost, misused, stolen, compromised or breached.
28. Where any loss or damage suffered by the customer is solely attributed to the wilful negligence of the Bank, the Bank's sole and entire liability (whether in respect of one or more claims) to the customer in contract or tort shall not exceed the amount of the transaction which gave rise to the claim or claims or the direct damages sustained, whichever is lower. In no event shall the Bank be liable for any loss of business, loss of profits, earnings or goodwill, loss of data, indirect, consequential, special or incidental damages, liabilities, claims, losses, expenses, disbursements, awards, penalties, proceedings and costs regardless of whether the possibilities of such losses or damages were disclosed to, or could have reasonably been foreseen by the Bank.
29. Upon being notified by the customer of such incident, the Bank shall conduct an investigation and the customer is required to provide sufficient information and collaboration to facilitate the investigation. The Bank is hereby given the authority to perform the following measures upon detection (with/without prior consent from customer) in order to prevent or mitigate further financial loss while the Bank is performing its investigation:
 - i. Suspend or freeze the affected account;
 - ii. Revoke or reset the Customer's internet or mobile banking access; and/or
 - iii. Revoke the validity of banking instruments;and the Customer will be notified once the above has been operated.

Deposits products are protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor.

CASA-i and ATD-i are based on Shariah concept of Commodity Murabahah via Tawarruq.

***Kempen Deposit Berjangka Alliance-i
("ATD-i") Alu-aluan
Pelanggan Baharu Alliance Personal
("AP")
2025***

Terma dan Syarat

Terma dan Syarat Am

1. "Kempen Deposit Berjangka Alliance-i ("ATD-i") Alu-aluan Pelanggan Baharu Alliance Personal ("AP") 2025" ("**Kempen**") dianjurkan oleh Alliance Islamic Bank Berhad ("**Bank**"). Kempen ini akan dijalankan dari 1 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh lain sedemikian yang mungkin dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**"); termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dinyatakan sebaliknya.
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat oleh dan menerima semua Terma dan Syarat.
3. Kempen ini dibuka kepada Semua Pelanggan individu Baharu dan/atau Sedia Ada Bank yang memenuhi kriteria berikut ("**Pelanggan yang Layak**"):

Menjadi pelanggan Alliance Personal ("AP") yang Baharu dan Utama dengan Aset Di Bawah Pengurusan Boleh Labur Bersih ("NIA AUM") minimum sebanyak RM100,000 dalam Deposit (tidak termasuk Akaun Savelink) dan/atau Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dan Bankasurans Premium Berkala ("RP")) dan membuka/mengekalkan sekurang-kurangnya satu daripada akaun berikut dengan Bank dengan deposit minimum RM10,000:

- a. Akaun Alliance Hybrid-i; atau
- b. Akaun Alliance SavePlus-i

"**NIA AUM**" merujuk kepada jumlah keseluruhan produk Deposit (tidak termasuk Akaun Savelink), produk Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dan Bankasurans Premium Berkala ("RP")).

4. Walau apa pun perkara di atas, individu seperti berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a. Pelanggan berumur bawah 18 tahun; atau
 - b. Kakitangan tetap dan/atau kontrak Bank atau
 - c. Pelanggan yang mempunyai akaun dorman atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - d. Pelanggan yang mempunyai akaun yang tertunggak atau tidak dikendalikan secara memuaskan dengan Bank; atau
 - e. Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau yang dihukum bankrap; atau
 - f. Pelanggan yang ingkar dalam sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan) pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; atau
 - g. Mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut polisi dalamannya; atau
 - h. Entiti bukan individu yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi.
5. Pelanggan AP yang baru berhak mendapat Kadar Promosi ATD-i dengan syarat dikenakan, yang ditakrifkan dalam jadual di bawah dengan syarat dikenakan:

Jadual A: Kadar ATD-i

Tempoh	Kadar Promosi	Jumlah Penempatan Minimum Setiap Penempatan	Jumlah Penempatan Maksimum Setiap Pelanggan	Saluran
6 bulan	3.75% setahun	RM10,000	RM100,000	Di kaunter

Terma dan Syarat khusus untuk Kadar Keuntungan Promosi ATD-i

6. Pelanggan yang Layak mesti meletakkan Kadar Keuntungan ATD-i Promosi dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penandaan sebagai AP. Pelanggan yang Layak yang kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan ketidaklayakan untuk Kadar Keuntungan ATD-i Promosi.
7. Untuk layak mendapat Kadar Promosi ATD-i, Pelanggan yang Layak mesti memasukkan Dana Baharu dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar sebelum penempatan ke dalam akaun ATD-i seperti yang ditunjukkan dalam Jadual A.

"Dana Baharu" ditakrifkan sebagai penempatan dana baharu yang tidak diperoleh daripada mana-mana akaun sedia ada dengan Bank atau anak syarikatnya. Ia mestilah bukan dana yang dipindahkan daripada mana-mana Akaun Simpanan/Semasa/Deposit Tetap/Mata Wang Asing sedia ada Bank atau dalam bentuk cek, perintah juruwang atau draf permintaan yang dikeluarkan oleh Bank. Semua jumlah yang bukan Dana Baharu tidak layak untuk Kempen ini.
8. Kempen akan tamat apabila Bank telah mencapai had saiz dana ATD-i yang diperuntukkan sebanyak RM40,000,000 atau pada akhir Tempoh Kempen, yang mana lebih awal.
9. Pelanggan yang Layak mestilah pemegang akaun utama akaun ATD-i. Bagi Pelanggan yang Layak yang memegang akaun secara bersama dengan pihak lain, semua akaun sedemikian akan dianggap sebagai satu akaun tunggal sahaja berdasarkan nama pemegang akaun utama.
10. Sekiranya pelanggan tidak memenuhi kriteria Pelanggan yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 semasa Tempoh Kempen, Kadar Keuntungan Promosi ATD-i akan berhenti digunakan dan kadar semasa ATD-i Bank akan digunakan dengan tempoh dan jumlah penempatan yang sama.
11. Pengeluaran separa untuk ATD-i tidak dibenarkan semasa tempoh ATD-i. Jika ATD-i dikeluarkan sebelum tarikh matangnya, Keuntungan yang perlu dibayar, jika ada, akan tertakluk kepada polisi Bank mengenai pengeluaran pramatang. Untuk butiran mengenai klausa pengeluaran pramatang, sila rujuk di bawah:

ATD-i

https://alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Banking/Islamic_Deposits_Terms_Conditions_BM.pdf

12. Pada Kematangan, ATD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa ATD-i 6 bulan masing-masing. Kadar semasa ATD-i 6-bulan terdapat di laman web berikut:

ATD-i: <https://alliancebank.com.my/Islamic-Profit-Rates>

13. Kadar Promosi adalah tertakluk kepada semakan dan sekiranya terdapat perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman ("OPR"), notis akan dikeluarkan di laman web Bank di www.alliancebank.com.my

Terma dan Syarat Lain

14. Dengan menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak perlu memahami sepenuhnya, menerima dan bersetuju untuk diikat oleh semua Terma dan Syarat di sini.
15. Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana satu atau lebih daripada satu Terma dan Syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau penyelenggaraan Akaun yang Layak atau sebaliknya.
16. Pelanggan yang Layak seterusnya bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi permintaan daripada Bank bagi tujuan menganjurkan, mempromosi dan menjalankan Kempen ini.

17. Semua keputusan yang dilakukan oleh Bank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan akan mengikat Pelanggan yang Layak. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau pertikaian mengenai perkara yang sama tidak akan dilayan.
18. Bank berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis di laman web Alliance Bank di www.alliancebank.com.my dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum perubahan tersebut kecuali untuk tawaran Kempen berkenaan dengan saiz dana yang terhad. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk merujuk kepada saiz dana terkini yang diterbitkan di laman web Alliance Bank semasa Tempoh Kempen.
19. Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen tidak melayakkan Pelanggan yang Layak melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan sedemikian.
20. Bank tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif, atau ganti rugi khas atau prosiding yang dikemukakan oleh mana-mana pihak (termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau pihak lain akibat kesalahan pelanggan yang layak sendiri, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen.
21. Pelanggan yang Layak dengan ini memahami dan bersetuju dengan pengumpulan data peribadi, pemprosesan, penyimpanan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran hubungan), oleh Bank kepada syarikat sekutunya, penyedia perkhidmatan mengikut keperluan dan apabila diperlukan, untuk tujuan melaksanakan dan menjalankan perkhidmatan Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi termasuk semua data yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk semua data yang anda telah dedahkan.
22. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-BM.pdf>) dan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Kempen ini.
23. Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
24. Berdasarkan penyertaan dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi antirasuah dan sogokan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan seterusnya berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

25. Pelanggan yang Layak perlu menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan Produk Sertaan beliau di bawah Kempen, yang berasingan daripada terma dan syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak perlu memahami sepenuhnya, menerima dan bersetuju untuk diikat oleh semua Terma dan Syarat.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan Perbankan dan 'Scam' Kewangan

26. Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.
27. Pelanggan hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi ("TAC") adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan menyedari berlaku mana-mana urusan niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusniaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan telah memaklumkan kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan seperti yang tertera di atas.
28. Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.
29. Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan berkerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:
- i. Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;
 - ii. Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Internet atau perkhidmatan Perbankan Mudah Alih; dan/atau
 - iii. Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;
- dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.

Produk deposit dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.

CASA-i dan ATD-i adalah berasaskan konsep Syariah Komoditi Murabahah melalui Tawarruq.